



20 Julai 2023
20 July 2023
P.U. (A) 218

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN
ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2023

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS
IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS)
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN
ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 21 Julai 2023.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “taraf pengawasan” ertinya suatu perkadaran atau penilaian suatu anggota penerima deposit oleh Bank Negara Malaysia menurut perenggan 95(*b*) Akta.

Pengemukakan maklumat kepada Perbadanan

3. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam subperaturan (2), suatu anggota penerima deposit hendaklah, bagi setiap tahun taksiran, mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan dalam tempoh dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan untuk pentaksiran anggota penerima deposit itu bagi maksud premium menurut Peraturan-Peraturan ini.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai—

(a) bagi suatu anggota penerima deposit yang tidak dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kepada Perbadanan sebagaimana yang

dinyatakan dalam subperenggan 16(1) Jadual Pertama atau subperenggan 5(1) Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) bagi suatu anggota penerima deposit yang tidak dikehendaki untuk membayar premium di bawah subseksyen 47(3) atau perenggan 49A(1)(c) Akta; dan
- (c) berkenaan dengan suatu perniagaan perbankan Islam bagi suatu pihak pemindah yang tidak dikehendaki untuk membayar premium tahunan berkenaan dengan perniagaan perbankan Islam itu di bawah perenggan 49A(1)(d) Akta.

Pentaksiran anggota penerima deposit bagi maksud premium

4. (1) Bagi tahun-tahun taksiran 2023 dan 2024, Perbadanan hendaklah mentaksirkan suatu anggota penerima deposit bagi maksud premium untuk tahun-tahun taksiran itu berdasarkan kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya, Perbadanan hendaklah mentaksirkan suatu anggota penerima deposit bagi maksud premium untuk tahun taksiran itu berdasarkan kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Melainkan jika suatu permohonan semakan semula dibuat oleh suatu anggota penerima deposit menurut peraturan 7, apa-apa keputusan Perbadanan mengenai apa-apa pentaksiran anggota penerima deposit itu adalah muktamad.

Kegagalan untuk mengemukakan maklumat

5. Jika suatu anggota penerima deposit gagal untuk mengemukakan apa-apa maklumat kepada Perbadanan menurut peraturan 3, Perbadanan hendaklah membuat suatu taksiran anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu menurut peraturan 4 dengan menggunakan apa-apa maklumat berkaitan yang tersedia kepada Perbadanan.

Pemberitahuan keputusan pentaksiran anggota penerima deposit

6. Perbadanan hendaklah memberitahu suatu anggota penerima deposit melalui suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan mengenai keputusan pentaksiran anggota penerima deposit itu bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), suatu anggota penerima deposit yang terkilan dengan keputusan yang diberitahu di bawah peraturan 6 boleh memohon untuk suatu semakan semula secara bertulis kepada Perbadanan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan berkenaan dengan sistem premium berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Suatu permohonan untuk semakan semula di bawah subperaturan (1) hendaklah hanya dibuat jika—

- (a) terdapat suatu kesilapan dalam maklumat yang dikemukakan oleh anggota penerima deposit itu kepada Perbadanan di bawah peraturan 3; atau
- (b) terdapat suatu kesilapan oleh Perbadanan dalam pentaksiran anggota penerima deposit itu bagi maksud premium.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), suatu permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan tidak boleh dibuat berkenaan dengan taraf pengawasan anggota penerima deposit itu.

(4) Walaupun anggota penerima deposit itu telah mengemukakan suatu permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan di bawah subperaturan (1), anggota penerima deposit itu hendaklah membayar premium bagi tahun taksiran itu pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Semakan semula oleh Perbadanan

8. (1) Selepas semakan semula, Perbadanan boleh mengubah atau meminda keputusan pentaksiran suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran dan dalam hal sedemikian, kadar premium yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu hendaklah disemak semula sewajarnya.

(2) Jika Perbadanan memutuskan terdapat perbezaan amaun bagi apa-apa premium yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit, anggota penerima deposit itu hendaklah membayar kepada Perbadanan, atau Perbadanan hendaklah membayar balik kepada anggota penerima deposit itu, perbezaan amaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan ke atas suatu semakan semula berkenaan dengan suatu anggota penerima deposit adalah muktamad.

Pemberitahuan keputusan semakan semula

9. Perbadanan hendaklah memberitahu keputusannya terhadap permohonan semakan semula yang dibuat oleh suatu anggota penerima deposit dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan permohonan semakan semula itu atau pada apa-apa tarikh lain yang sesuai bagi Perbadanan.

Pembatalan

10. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 3 dan 4]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“jumlah aset” ertinya suatu penjumlahan aset dalam kunci kira-kira dan nilai setara kredit bagi aset di luar kunci kira-kira bagi suatu anggota penerima deposit;

“keuntungan” ertinya keuntungan atau kerugian sebelum cukai dan zakat suatu anggota penerima deposit;

“pinjaman” ertinya—

- (a) kemudahan kredit konvensional yang diberikan oleh suatu anggota penerima deposit yang memberikan apa-apa kemudahan kredit konvensional; atau
- (b) kemudahan pembiayaan Islam yang diberikan oleh suatu anggota penerima deposit yang memberikan apa-apa kemudahan pembiayaan Islam.

Pemarkahan premium keseluruhan bagi anggota penerima deposit

2. Dalam menentukan pemarkahan premium bagi suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria kuantitatif dan kualitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut wajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) dan penunjuk aras kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Kriteria	(2) Wajaran	(3) Penunjuk aras kriteria
Kriteria kuantitatif	60%	A. Penampan modal (rujuk subperenggan 4(1) dan perenggan 6) B. Prestasi dan kedudukan kewangan seperti yang berikut: <i>(a)</i> nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko; <i>(b)</i> volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata; <i>(c)</i> nisbah jumlah pinjaman terjejas; <i>(d)</i> nisbah rizab kerugian pinjaman; <i>(e)</i> profil penumpuan pinjaman; <i>(f)</i> nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset; <i>(g)</i> nisbah pertumbuhan jumlah aset; <i>(h)</i> nisbah pinjaman kepada dana tersedia; dan <i>(i)</i> komposisi dana teras (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 7)

(1) Kriteria	(2) Wajaran	(3) Penunjuk aras kriteria
Kriteria kualitatif	40%	Faktor kualitatif (rujuk perenggan 9)

Matriks kriteria kuantitatif

3. (1) Kriteria kuantitatif hendaklah diberikan markah menggunakan suatu pendekatan matriks dua dimensi seperti yang berikut:

		Penampan modal (%) (rujuk subperenggan 4(1) dan perenggan 6)			
Prestasi dan Kedudukan Kewangan (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 7)		< 2.0	≥ 2.0 tetapi < 3.0	≥ 3.0 tetapi < 4.0	≥ 4.0
	≥ 85	M6	M4	M2	M1
	≥ 70 tetapi < 85	M6	M5	M3	M2
	≥ 50 tetapi < 70	M7	M6	M4	M3
	< 50	M7	M7	M5	M4

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) penampan modal bagi suatu anggota penerima deposit sebagaimana yang dihitung di bawah perenggan 6 hendaklah

menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif;

(b) prestasi dan kedudukan kewangan bagi suatu anggota penerima deposit sebagaimana yang dihitung di bawah perenggan 7 hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif; dan

(c) pemetaan kedua-dua ukuran di subsubperenggan (a) dan (b) hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu dalam matriks kriteria kuantitatif sebagaimana yang diwakili oleh simbol M1 hingga M7.

(3) Jika kedudukan suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran telah ditentukan dalam kategori matriks kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), markah kriteria kuantitatif yang diberikan kepada anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu hendaklah markah kriteria kuantitatif yang bersamaan dengan markah kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Kategori matriks kriteria kuantitatif	(2) Markah kriteria kuantitatif
M1	60
M2	55
M3	45
M4	40
M5	30
M6	25
M7	15

Kriteria kuantitatif bagi anggota penerima deposit

4. (1) Dalam pentaksiran penampungan modal bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah mengambil kira penampungan modal anggota penerima deposit itu menurut perenggan 6, yang hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam menentukan markah bagi prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko;
- (b) volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata;
- (c) nisbah jumlah pinjaman terjejas;
- (d) nisbah rizab kerugian pinjaman;
- (e) profil penumpuan pinjaman;
- (f) nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset;
- (g) nisbah pertumbuhan jumlah aset;
- (h) nisbah pinjaman kepada dana tersedia; dan
- (i) komposisi dana teras.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), markah maksimum penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penerima deposit adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Markah maksimum
Nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko	15
Volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata	10
Nisbah jumlah pinjaman terjejas	15
Nisbah rizab kerugian pinjaman	10
Profil penumpuan pinjaman	10
Nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset dan nisbah pertumbuhan jumlah aset	15
Nisbah pinjaman kepada dana tersedia	15
Komposisi dana teras	10
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 7 dan hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

Maklumat bagi penghitungan penunjuk aras kriteria

5. Bagi setiap tahun taksiran, penghitungan setiap penunjuk aras kriteria hendaklah berdasarkan maklumat kewangan suatu anggota penerima deposit setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penghitungan penampan modal

6. Penampan modal suatu anggota penerima deposit hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1) hendaklah ditentukan berdasarkan kedudukan nilai itu dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil
Penampan modal	$A - B$ iaitu— A ialah Nisbah Jumlah Modal anggota penerima deposit itu; dan B ialah keperluan kecukupan modal minimum berhubung dengan Nisbah Jumlah Modal yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu	$\geq 4.0\%$ $\geq 3.0\%$ tetapi $< 4.0\%$ $\geq 2.0\%$ tetapi $< 3.0\%$ $< 2.0\%$
Bagi maksud penghitungan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem premium berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa		

Penghitungan dan pemarkahan bagi penunjuk aras untuk prestasi dan kedudukan kewangan

7. Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang didapati hasil penghitungan itu hendaklah diberikan markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) mengikut kedudukannya dalam julat hasil yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah
Nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah keuntungan; dan B ialah purata aset berwajaran risiko	$\geq 2.75\%$	15
		$\geq 2.00\%$ tetapi $< 2.75\%$	10
		$\geq 1.00\%$ tetapi $< 2.00\%$	5
		$< 1.00\%$	0
Volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata	$\frac{A}{B}$ iaitu— A ialah sisihan separa piawai keuntungan bagi tempoh tiga tahun; dan B ialah purata keuntungan bagi tempoh yang sama	≥ 0 tetapi ≤ 0.3	10
		> 0.3 tetapi ≤ 0.7	5
		> 0.7	0
		≤ 0	0
Nisbah jumlah pinjaman terjejas	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah jumlah pinjaman terjejas; dan B ialah jumlah pinjaman	$\leq 2.0\%$	15
		$> 2.0\%$ tetapi $\leq 3.5\%$	10
		$> 3.5\%$ tetapi $\leq 5.0\%$	5
		$> 5.0\%$	0

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah
Nisbah rizab kerugian pinjaman	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah jumlah peruntukan pinjaman terjejas individu, peruntukan pinjaman terjejas kolektif dan rizab pengawalseliaan; dan B ialah jumlah pinjaman terjejas	$\geq 100.0\%$	10
		$\geq 75.0\%$ tetapi $< 100.0\%$	5
		$< 75.0\%$	0
Profil penumpuan pinjaman	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah agregat pinjaman mengikut sektor sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan B ialah jumlah pinjaman dalam operasi domestik	0%	10
		$> 0\%$ tetapi $\leq 25\%$	8
		$> 25\%$ tetapi $\leq 50\%$	5
		$> 50\%$	0

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah
Nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah aset berwajaran risiko yang tidak termasuk aset berwajaran risiko operasi; dan B ialah jumlah aset	(Rujuk perenggan 8)	(Rujuk perenggan 8)
Nisbah pertumbuhan jumlah aset	$\frac{A - B}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah jumlah aset bagi tahun taksiran sebelumnya; dan B ialah jumlah aset bagi dua tahun sebelum tahun taksiran		
Nisbah pinjaman kepada dana tersedia	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah jumlah pinjaman kecuali pinjaman sebagaimana yang	$\leq 80\%$ $> 80\%$ tetapi $\leq 90\%$ $> 90\%$ tetapi $\leq 100\%$ $> 100\%$	15 10 5 0

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah
	ditentukan oleh Perbadanan untuk dikecualikan; dan B ialah jumlah dana tersedia sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan		
Komposisi dana teras	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu— A ialah jumlah dana teras sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan B ialah jumlah dana tersedia sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan	$\geq 60\%$ $\geq 50\%$ tetapi $< 60\%$ $\geq 30\%$ tetapi $< 50\%$ $< 30\%$	10 8 5 0
Bagi maksud penghitungan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem premium berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa			

Julat hasil dan pemarkahan bagi nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset dan nisbah pertumbuhan jumlah aset

8. Jika nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset suatu anggota penerima deposit yang dihitung di bawah perenggan 7 termasuk dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), dan nisbah pertumbuhan jumlah aset yang dihitung di bawah perenggan 7 termasuk dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), markah gabungan yang diberikan kepada kedua-dua nisbah hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Julat hasil bagi nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah asset	(2) Julat hasil bagi nisbah pertumbuhan jumlah asset	(3) Markah
< 60%	< 15%	15
< 60%	≥ 15%	10
≥ 60%	< 15%	5
≥ 60%	≥ 15%	0

Kriteria kualitatif

9. Kriteria kualitatif bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) taraf pengawasan suatu anggota penerima deposit;
- (b) kegagalan oleh suatu anggota penerima deposit untuk mematuhi apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat oleh Perbadanan, termasuk garis panduan, atau apa-apa kehendak kawal selia yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu;
- (c) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawal selia atau pihak berkuasa yang lain terhadap suatu anggota penerima deposit atau apa-apa perbadanan yang berkaitan dengan anggota penerima deposit itu termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa

notis, perintah atau arahan yang berhubungan dengan apa-apa kekurangan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan anggota penerima deposit atau perbadanan itu, suatu surat amaran, atau apa-apa kehendak atau arahan untuk mengeluarkan suatu surat aku janji atau komitmen atau suatu resolusi lembaga pengarah;

- (d) apa-apa pelan pembetulan atau tindakan anggota penerima deposit atau perbadanan itu untuk menangani tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa itu di bawah subperenggan (c) termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan kemajuan pelaksanaan terma surat aku janji atau komitmen atau resolusi lembaga pengarah oleh anggota penerima deposit itu;
- (e) apa-apa penarafan atau pentaksiran suatu anggota penerima deposit oleh mana-mana agensi penilaian sama ada yang berhubungan dengan kedudukan kredit anggota penerima deposit itu atau keadaan kewangannya atau selainnya;
- (f) sama ada suatu anggota penerima deposit telah atau sedang menerima apa-apa bentuk bantuan daripada Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, sama ada bantuan itu berbentuk bantuan kewangan atau selainnya; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang diberikan kepada Perbadanan atau yang sampai kepada perhatian Perbadanan mengenai suatu anggota penerima deposit atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan anggota penerima deposit itu yang boleh mengancam atau memberikan kesan terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju anggota penerima deposit itu.

Maklumat untuk mentaksir kriteria kualitatif

10. Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksir dan menentukan pemarkahan bagi suatu anggota penerima deposit mengenai kriteria kualitatif, berdasarkan maklumat berkaitan yang tersedia kepada Perbadanan setakat—

- (a) 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; atau
- (b) apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Markah bagi taraf pengawasan

11. Jika taraf pengawasan suatu anggota penerima deposit adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), markah yang diberikan kepada taraf pengawasan itu hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Taraf pengawasan	(2) Markah
Penarafan 1 atau rendah atau yang setara	35
Penarafan 2 atau sederhana atau yang setara	28
Penarafan 3 atau lebih daripada sederhana atau yang setara	14
Penarafan 4 atau tinggi atau yang setara	0

Markah bagi faktor kualitatif selain taraf pengawasan

12. Perbadanan hendaklah mentaksir maklumat yang berkaitan dengan suatu anggota penerima deposit di bawah perenggan 9, selain taraf pengawasan anggota penerima deposit itu, bagi membuat suatu taksiran terhadap maklumat itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), dan markah yang diberikan kepada taksiran itu hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Taksiran maklumat	(2) Markah
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, tiada maklumat telah sampai kepada perhatian Perbadanan mengenai apa-apa keadaan yang merupakan suatu ancaman atau memberikan kesan material	5

(1) Taksiran maklumat	(2) Markah
terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, maklumat telah sampai kepada perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang merupakan suatu ancaman atau boleh memberikan kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	3
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, ada maklumat telah sampai kepada perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang memberikan kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	0

Markah maksimum di bawah sistem premium berbeza

13. (1) Markah maksimum bagi kriteria kuantitatif dan kriteria kualitatif hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) seperti yang berikut:

		(1) Markah maksimum		
Kriteria kuantitatif			60	
Kategori matriks kriteria kuantitatif (berdasarkan pemetaan kedua-dua penampan modal serta prestasi dan kedudukan kewangan) (rujuk subperenggan 3(3))	Kategori matriks kriteria kuantitatif	Markah kategori		
	M1	60		
	M2	55		
	M3	45		
	M4	40		
	M5	30		
	M6	25		
	M7	15		
Kriteria kualitatif (rujuk perenggan 9)				40
Taraf pengawasan			35	
Faktor kualitatif selain taraf pengawasan di bawah perenggan 12			5	
Jumlah markah kriteria				100

(2) Jumlah markah kriteria suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran hendaklah jumlah markah bagi kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 3(3) dan markah bagi kriteria kualitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 11 dan 12 berkenaan dengan anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu.

Kategori premium

14. Jika jumlah markah kriteria suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran termasuk dalam julat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kategori premium yang anggota penerima deposit itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah kategori premium sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Jumlah markah kriteria	(2) Kategori premium
≥ 85	1
≥ 65 tetapi < 85	2
≥ 50 tetapi < 65	3
< 50	4

Maklumat kuantitatif yang tidak mencukupi

15. Berkenaan dengan suatu anggota penerima deposit dengan maklumat kuantitatif yang tidak mencukupi bagi maksud menghitung satu atau lebih penunjuk aras bagi suatu tahun taksiran, markah penunjuk aras itu atau gabungan markah semua penunjuk aras itu dalam tahun taksiran itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{(100 - B)} \times B$$

iaitu—

A ialah jumlah markah bagi semua penunjuk aras yang mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu; dan

B ialah markah maksimum bagi suatu penunjuk aras itu, atau jumlah markah maksimum bagi semua penunjuk aras itu, yang tidak mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu.

Pengkelasan bagi anggota penerima deposit

16. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu anggota penerima deposit, selain suatu anggota penerima deposit yang disebut dalam subperenggan (2), hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 dan tidak dikehendaki untuk mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam suatu tahun taksiran jika—

- (a) anggota penerima deposit itu berada dalam tahun taksiran pertamanya dan tahun taksiran keduanya;
- (b) anggota penerima deposit itu tidak dibenarkan untuk memulakan operasi dalam tahun taksiran sebelumnya; atau
- (c) taraf pengawasan pertama tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam tahun taksiran itu.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi suatu anggota penerima deposit jika—

- (a) anggota penerima deposit itu telah beroperasi dan menjalankan perniagaan penerima deposit untuk tempoh minimum dua tahun

sebelum anggota penerima deposit itu menjadi suatu anggota penerima deposit di bawah Akta;

- (b) anggota penerima deposit itu adalah suatu bank Islam yang berasal dari suatu bank berlesen yang menjalankan perniagaan perbankan Islam yang diluluskan di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; atau
- (c) perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan kepada anggota penerima deposit itu di bawah suatu skim pemindahan perniagaan pada tahun taksiran yang mana anggota penerima deposit itu menjadi suatu anggota penerima deposit di bawah Akta.

(3) Suatu anggota penerima deposit yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 3 dalam suatu tahun taksiran jika—

- (a) tidak terdapat maklumat yang mencukupi dalam tahun taksiran itu bagi maksud menghitung penunjuk aras pertama untuk penampunan modal bagi anggota penerima deposit itu; atau
- (b) taraf pengawasan pertama tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam tahun taksiran itu.

Pengemukaan maklumat secara berasingan dan pentaksiran bagi anggota penerima deposit yang menjalankan perniagaan perbankan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya

17. Jika suatu anggota penerima deposit telah diberikan suatu kelulusan bertulis di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya—

- (a) anggota penerima deposit itu hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam subperaturan 3(1) secara

berasingan bagi perniagaan perbankan Islam dan perniagaan berlesen anggota penerima deposit itu;

- (b)* Perbadanan hendaklah mentaksir dan menentukan pemarkahan premium bagi perniagaan perbankan Islam dan perniagaan berlesen bagi anggota penerima deposit itu secara berasingan; dan
- (c)* Perbadanan boleh mengelaskan anggota penerima deposit itu sama ada dalam kategori premium yang sama atau kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam dan deposit konvensional yang diletakkan dengan anggota penerima deposit itu.

JADUAL KEDUA
[Peraturan 3 dan 4]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini, “kadar premium asas” ertinya kadar premium asas sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Kadar bagi Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2023 [*P.U. (A) 219/2023*].

Kriteria pentaksiran keseluruhan bagi anggota penerima deposit

2. (1) Dalam pentaksiran keseluruhan suatu anggota penerima deposit bagi maksud premium, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria keselamatan dan kekukuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 dan kriteria berpusatkan resolusi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4.

(2) Bagi maksud pentaksiran keseluruhan bagi suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah—

- (a) menggunakan kriteria keselamatan dan kekukuhan bagi menentukan gred risiko dan kadar premium asas sepadan yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu; dan
- (b) menggunakan jumlah markah wajaran kriteria berpusatkan resolusi sebagaimana yang ditentukan di bawah subperenggan 4(5) untuk melaraskan kadar premium asas bagi menentukan kadar premium yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu mengikut formula yang berikut:

$$\text{kadar premium} = \frac{\text{kadar premium asas} - [\text{jumlah markah wajaran kriteria berpusatkan resolusi} \times 50\% \times \text{kadar premium asas}]}{\text{kadar premium asas}}$$

Kriteria keselamatan dan kekukuhan

3. (1) Pentaksiran kriteria keselamatan dan kekukuhan bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah berdasarkan taraf pengawasan anggota penerima deposit itu.

(2) Jika taraf pengawasan suatu anggota penerima deposit adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), anggota penerima deposit itu hendaklah dikelaskan dalam gred risiko sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Taraf pengawasan	(2) Gred risiko
Penarafan 1 atau rendah atau yang setara	1
Penarafan 2 atau sederhana atau yang setara	2
Penarafan 3 atau lebih daripada sederhana atau yang setara	3
Penarafan 4 atau tinggi atau yang setara	4

Kriteria berpusatkan resolusi

4. (1) Pentaksiran kriteria berpusatkan resolusi bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah berdasarkan penunjuk aras yang berikut:

- (a) nisbah perlindungan aset ketara bebas;
- (b) nisbah perlindungan aset terjejas bersih; dan
- (c) komposisi dana teras.

(2) Ketiga-tiga penunjuk aras bagi kriteria berpusatkan resolusi itu hendaklah diberikan wajaran yang sama sebanyak satu pertiga.

(3) Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang

dinyatakan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3), markah yang diberikan kepada nilai itu hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) dan markah wajaran hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah	(5) Markah wajaran
Nisbah perlindungan aset ketara bebas	$\frac{\text{aset ketara bebas}}{\text{liabiliti berkaitan bukan modal}}$	≥ 1.30 > 1.00 tetapi < 1.30 ≤ 1.00	100.00% diinterpolasi 0.00%	Markah $\times$ $\frac{1}{3}$
Nisbah perlindungan aset terjejas bersih	$\frac{\text{jumlah modal – (jumlah aset berwajaran risiko x nisbah jumlah modal minimum kawal selia)}}{\text{aset terjejas bersih yang dilaraskan}}$	≥ 3.00 > 1.00 tetapi < 3.00 ≤ 1.00	100.00% diinterpolasi 0.00%	Markah $\times$ $\frac{1}{3}$

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah	(5) Markah wajaran
Komposisi dana teras	$\frac{\text{jumlah dana teras}}{\text{jumlah dana tersedia}} \times 100\%$	$\geq 50.00\%$ $\geq 0.00\%$ tetapi $< 50.00\%$	100.00% diinterpolasi	Markah $\times$ $\frac{1}{3}$

(4) Bagi maksud subperenggan 4(3)—

- (a) istilah yang digunakan dalam formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem premium berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa;
- (b) markah “diinterpolasi” sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) hendaklah dihitung menggunakan formula interpolasi linear seperti yang berikut:

$$\frac{A - B}{C - B} \times 100.00\%$$

iaitu—

A ialah hasil anggota penerima deposit itu bagi penunjuk aras berkenaan;

B ialah hasil minimum yang dapat dicapai bagi penunjuk aras berkenaan; dan

C ialah hasil maksimum yang dapat dicapai bagi penunjuk aras berkenaan.

- (c) apa-apa penghitungan berhubung dengan penunjuk aras bagi kriteria berpusatkan resolusi itu hendaklah setakat dua titik perpuluhan sahaja.

(5) Penjumlahan markah wajaran bagi semua penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) subperenggan 4(3) hendaklah memberikan jumlah markah wajaran kriteria berpusatkan resolusi bagi suatu anggota penerima deposit.

Pengkelasan dan pemarkahan bagi anggota penerima deposit

5. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu anggota penerima deposit, selain suatu anggota penerima deposit yang disebut dalam subperenggan (2), hendaklah dikelaskan dalam gred risiko 1 bagi kriteria keselamatan dan kekukuhan, hendaklah diberikan suatu jumlah markah wajaran kriteria berpusatkan resolusi sebanyak seratus peratus dan tidak dikehendaki untuk mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam suatu tahun taksiran jika—

- (a) anggota penerima deposit itu tidak dibenarkan untuk memulakan operasi dalam tahun taksiran sebelumnya; atau
- (b) taraf pengawasan pertama tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam tahun taksiran itu.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi suatu anggota penerima deposit jika—

- (a) anggota penerima deposit itu telah beroperasi dan menjalankan perniagaan penerima deposit untuk tempoh minimum dua tahun sebelum anggota penerima deposit itu menjadi suatu anggota penerima deposit di bawah Akta;

- (b) anggota penerima deposit itu adalah suatu bank Islam yang berasal dari suatu bank berlesen yang menjalankan perniagaan perbankan Islam yang diluluskan di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; atau
- (c) perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan kepada anggota penerima deposit itu di bawah suatu skim pemindahan perniagaan pada tahun taksiran yang mana anggota penerima deposit itu menjadi suatu anggota penerima deposit di bawah Akta.

(3) Suatu anggota penerima deposit yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah dikelaskan dalam gred risiko 3 bagi kriteria keselamatan dan kekukuhan dalam suatu tahun taksiran jika taraf pengawasan pertama tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam tahun taksiran itu.

Maklumat yang tidak mencukupi

6. (1) Jika taraf pengawasan bagi suatu anggota penerima deposit tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 bagi suatu tahun taksiran, Perbadanan hendaklah menggunakan taraf pengawasan yang terkini bagi anggota penerima deposit itu yang tersedia kepada Perbadanan bagi maksud mengelaskan anggota penerima deposit itu dalam suatu gred risiko bagi tahun taksiran itu.

(2) Berkenaan dengan suatu anggota penerima deposit dengan maklumat yang tidak mencukupi bagi maksud menghitung satu atau lebih penunjuk aras untuk kriteria berpusatkan resolusi bagi suatu tahun taksiran, markah bagi penunjuk aras itu dalam tahun taksiran itu hendaklah sifar.

Dibuat 5 Julai 2023
[PIDM/PN/2/2023; PN(PU2)689/JLD.8]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS)
REGULATIONS 2023

